

Headline	Tingkat kerjasama		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	112,705
Page No	27	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	286 cm ²
Journalist	Nabil Basaruddin	AdValue	RM 11,223
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,669



Tingkat kerjasama

TNG Digital kukuh khidmat e-dompot bersama komuniti bisnes

Oleh Nabil Basaruddin
nabil.basaruddin@hmetro.com.my


Kuala Lumpur

TNG Digital Sdn Bhd (TNG Digital) komited memperkukuhkan perkhidmatan dompet elektronik (e-dompot) *Touch 'n Go eWallet* dengan meningkatkan kerjasama bersama komuniti perniagaan tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ignatius Ong berkata, komuniti terbabit termasuk perusahaan kecil dan sederhana, suri rumah, kedai *pop-up* dan pemilik perniagaan di sekitar serta luar Lembah Klang.

Beliau berkata, usaha terbabit bertujuan mendidik, memberi pendedahan dan berinteraksi bersama pengguna serta rakan kongsi yang berpotensi.

“Di sekitar Lembah Klang, kami meninjau kawasan dengan trafik orang ramai yang tinggi seperti Brickfields atau Changkat dan Bukit Bintang dalam usaha meluaskan pedangan untuk



TRANSAKSI tanpa tunai dijangka meletus pada masa depan.

e-dompot ini.

“Kami juga melihat prospek usaha sama dengan peniaga pasar malam dan pasar tani untuk dijadikan sebagai peniaga atau peda-

gang bersama *Touch 'n Go eWallet*.

“Setakat ini kami mempunyai 19 daripada 26 peniaga pasar tani di Taman Guar Perahu

berhampiran Bukit Mertajam yang menawarkan khidmat e-dompot,” katanya, di sini.

Selain kawasan sedia ada, Ong berkata, pihaknya turut meneroka lokasi tertentu di Kelantan dan beberapa kawasan di negeri pantai timur.

19 daripada 26 peniaga pasar tani di Taman Guar Perahu tawar khidmat e-dompot